

Oleh Nur Izzati  
Mohamad  
am@hmetro.com.my

**Bukit Mertajam**

“Memang dah mangli (lali), kalau hujan lebat ja kami semua pakat berjaga angkat barang,” kata Che Nan Amad, 63, penduduk Kampung Permatang Rawa, Seberang Perai Tengah, yang rumahnya dilanda banjir kilat kelmarin. Menurutnya, ketika kejadian dia tiada di rumah kerana bekerja sebagai tukang cuci namun bergegas pulang selepas mendapat tahu rumahnya dimasuki air.

“Kalau hujan lebat, memang tahu mesti air naik dengan cepat dan kalau tak bersedia memang kita tak sempat buat apa-apa.”

“Nasib baik saya sempat pulang dan angkat barang ke tempat selamat,” katanya yang ditemui ketika membersihkan rumah selepas air

mula surut, semalam.

105 mangsa masih berada di PPS

Wanita itu berkata, dia berharap ada pihak dapat menyelesaikan masalah banjir di kampung mereka kerana sudah letih mencuci rumah sejak 20 tahun lalu apabila rumah dinaiki air akibat banjir kilat.

Dalam kejadian banjir kilat malam kelmarin, air naik cepat hingga menyebabkan penduduk kelam-kabut memindahkan barang ke tempat tinggi.

Mereka pada mulanya mengambil langkah berjaga-jaga apabila hujan sejak jam 2 petang kelmarin, disusuli kali kedua jam 7 malam.

Air mula memasuki rumah dan paras air meningkat hingga paha selepas hujan lebat jam 7 malam.

Sehingga kini, seramai 105 mangsa daripada 27 keluarga masih berada di dua pusat pemindahan sementara (PPS).

PPS Dewan Orang Ramai Bukit Teh dan Dewan Perda Timur yang sebelum ini menempatkan 33 orang daripada enam keluarga sudah ditutup dan semua mangsa banjir dibenarkan pulang ke rumah masing-masing.

# ‘Memang dah mangli’

Masalah bah tak selesai 20 tahun

## Beberapa daerah dalam ‘amaran merah’

**Johor Bahru:** Beberapa daerah di negeri ini diletakkan dalam keadaan ‘amaran merah’ selepas banjir mula berlaku susulan hujan lebat tanpa henti sejak pagi semalam.

Antara kawasan terjejas adalah Kempas Baru di Kempas; Kampung Pulau dan Ulu Pulau di sini, yang dinaiki air setinggi 0.9 hingga 1.52 meter.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)

Johor berkata, sepasukan lima anggota diketuai Komander Operasi dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Skudai, Suraini Adnan membabitkan satu jentera dihantar ke lokasi kejadian sejurus menerima panggilan kecemasan pada jam 1.19 petang semalam.

“Sebanyak 15 rumah di Kampung Pulau dan Kampung Ulu Pulau ditenggelami banjir sedalam 1.5 meter akibat hujan lebat,” katanya.

Terdahulu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang menasihatkan semua penduduk berjaga-jaga dengan fenomena air pasang dan hujan lebat termasuk mengambil langkah menjaga alam sekitar khususnya kawasan sungai serta perparitan.

